

D.R. 42/2017

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 2017.

Pindaan seksyen 112A

2. Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam subseksyen 112A(1), dengan menggantikan perkataan “132B” dengan perkataan “132, 132A or 132B, where such arrangement relates to the furnishing of a country-by-country report,”.

Pindaan seksyen 113A**3. Subseksyen 113A(1) Akta ibu dipinda—**

- (a) dengan menomborkannya semula sebagai seksyen 113A; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “132B”, di mana-mana jua terdapat, dengan perkataan “132, 132A and 132B, where such arrangement relates to the automatic exchange of information or the furnishing of a country-by-country report,”.

Pindaan seksyen 119B

4. Seksyen 119B Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “132B”, di mana-mana jua terdapat, dengan perkataan “132, 132A and 132B, where such arrangement relates to the automatic exchange of information or the furnishing of a country-by-country report,”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 (“Akta 53”).

- 2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas Akta yang dicadangkan.
- 3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 112A Akta 53 untuk menjadikannya suatu kesalahan kegagalan mengemukakan laporan mengikut negara sebagaimana yang dikehendaki oleh mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawah perenggan 154(1)(c) untuk melaksanakan atau memudah cara pengendalian perkiraan cukai dua kali di bawah seksyen 132 atau perkiraan pertukaran maklumat percukaian di bawah seksyen 132A, sebagai tambahan kepada perkiraan bantuan pentadbiran bersama di bawah seksyen 132B sebagaimana dalam peruntukan yang sedia ada.
- 4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda subseksyen 113A(1) Akta 53 untuk menjadikannya suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang membuat apa-apa penyata, penyata maklumat, atau laporan yang tidak tepat atau yang memberi apa-apa maklumat yang tidak tepat berhubung dengan perkiraan berkenaan dengan pertukaran maklumat secara automatik atau laporan mengikut negara di bawah mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawah perenggan 154(1)(c) untuk melaksanakan atau memudah cara pengendalian perkiraan cukai dua kali di bawah seksyen 132 atau perkiraan pertukaran maklumat percukaian di bawah seksyen 132A, sebagai tambahan kepada perkiraan bantuan pentadbiran bersama di bawah seksyen 132B sebagaimana dalam peruntukan yang sedia ada.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 119B Akta 53, untuk menjadikannya suatu kesalahan kegagalan mematuhi apa-apa kaedah-kaedah yang dibuat di bawah perenggan 154(1)(c) untuk melaksanakan atau memudah cara pengendalian perkiraan cukai dua kali di bawah seksyen 132 atau perkiraan pertukaran maklumat percukaian di bawah seksyen 132A, sebagai tambahan kepada perkiraan bantuan pentadbiran bersama di bawah seksyen 132B sebagaimana dalam peruntukan yang sedia ada, yang perkiraan tersebut berhubung dengan perkiraan pertukaran maklumat secara automatik atau laporan mengikut negara.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3095]